

Kerajaan tidak cadang tukar SSB

UM 26 MAR 2001

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KOTA KINABALU 25 Mac — Kerajaan tidak bercadang untuk menukar Sistem Saraan Baru (SSB) kepada sistem lain sehingga mendapat maklum balas konkrit daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebelum ini beliau telah ditemui oleh CUEPACS dan menerima cadangan supaya SSB dikaji semula.

"Sejak dilaksanakan terdapat banyak yang protes kepada SSB dan kita kena kaji dan saya sedang tunggu maklum balas selanjutnya daripada CUEPACS berupa pandangan mengenai perkara itu," jelasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang ke ibu negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu setelah mengadakan lawatan kerja dua ke Sabah, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden CUEPACS, N. Siva Subramaniam sema-

lam mengenai hampir 400,000 kakitangan awam Sokongan II dijangka mendapat kenaikan gaji 30 peratus jika kerajaan bersetuju untuk melaksanakan cadangan supaya Sistem Saraan Kerajaan (SSK) menggantikan SSB.

Menurut Siva, SSK lebih baik berbanding dengan SSB itu kerana SSK turut menetapkan gaji permulaan bagi kumpulan tersebut sebanyak RM900 berbanding RM600 sebulan sekarang.

● Laporan khas — Muka 14

Cadangan menukar sistem itu terkandung dalam memorandum gaji yang dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) baru-baru ini bagi menggantikan SSB yang dikatakan mempunyai banyak kepinanganannya sejak diperkenalkan pada tahun 1992.

CUEPACS berbuat demikian selepas Perdana Menteri bersetuju dengan cadangan kongres itu pada 14 Mac lalu supaya Jadual Gaji Matriks dalam SSB dikaji semula dengan serta-merta oleh JPA.

Menurut Siva, antara cadangan itu adalah meliputi penganugerahan bonus bulanan atau setengah bulan gaji kepada kakitangan cemerlang bagi menggantikan pergerakan gaji melintang dan menegak menerusi SSB.

Kenaikan gaji tahunan secara automatik, kerja lima hari seminggu, pelaksanaan kenaikan pangkat kakitangan secara automatik jika telah berkhidmat lebih 15 tahun dan kuota penerima anugerah cemerlang kepada 20 peratus berbanding lima peratus dalam SSB.

Isu kepinangan perjalanan SSB sudah lama dipertikaikan sejak diperkenalkan pada 1 Januari 1992.

Antara kelemahan yang sering dibangkitkan oleh kakitangan awam ialah sikap pilih kasih ketika membuat penilaian prestasi.

Siva berkata, sekiranya kerajaan melaksanakan sepenuhnya cadangan SSK itu, ia tidak akan melibatkan peruntukan yang besar.

Selain itu menurutnya, beberapa cadangan lain telah dikemukakan kepada JPA termasuk meminta kerajaan mengkaji semula tuntutan elaun perjalanan kakitangan awam.